



# 2021 - 2025 Pelan Strategik

PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK  
JABATAN PERDANA MENTERI



---

## DITERBITKAN OLEH:-



### **PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

Tingkat 3 & 17, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga, 93300 Kuching, Sarawak.  
Tel.: - 082 - 417733 Faks: - 082 - 243332

### **HAKCIPTA TERPELIHARA**

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeskploitasi untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

### **PENAFIAN**

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS) dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. PSUPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung didalamnya.

# ISI KANDUNGAN

## PELAN STRATEGIK PEJABAT SUPS 2021-2025

### PERUTUSAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK RINGKASAN EKSEKUTIF

#### PENGENALAN 1

- LATAR BELAKANG 1
- CARTA ORGANISASI 2
- FUNGSI JABATAN 3
- PUNCA KUASA 3
- PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) & PELANGGAN 4

#### SENARIO PERSEKITARAN

- ISU DAN CABARAN 6

#### HALA TUJU

- VISI DAN MISI 9
- NILAI-NILAI BERSAMA 10

#### TERAS STRATEGIK

- TERAS STRATEGIK DAN OBJKTIF STRATEGIK 12
- TERAS STRATEGIK 1 14
- TERAS STRATEGIK 2 17
- TERAS STRATEGIK 3 21
- TERAS STRATEGIK 4 27

#### PELAN TINDAKAN 2021-2025

i  
iii

1  
2  
3  
3  
4

6  
9  
10

#### PENUTUP

32

#### PENGHARGAAN

33

# Perutusan

SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



# Perutusan

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera,*

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS) berjaya membangunkan Pelan Strategik PSUPS 2021-2025. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini.

Pelan ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada seluruh warga PSUPS dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai program serta aktiviti berdasarkan kepada teras strategik dan sasaran yang telah ditetapkan.

“Pelan Strategik PSUPS 2021-2025 ini merupakan perancangan pengurusan yang mengandungi misi, visi, objektif, teras strategik dan nilai bersama sebagai salah satu budaya perkhidmatan jabatan bagi memenuhi keperluan pegang taruh (*stakeholders*) dan rakyat untuk tempoh lima tahun akan datang.”

Semoga dokumen ini diangkat sebagai rujukan penting dalam menterjemahkan hasrat PSUPS dalam menawarkan penyampaian perkhidmatan awam yang efisien, pantas dan profesional demi mendukung prakarsa dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada ditahap yang bitara.

Sekian, terima kasih.



DATO' AMIR BIN OMAR

SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



# *Ringkasan*

E K S E K U T I F





# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS) 2021–2025 disediakan untuk tempoh lima tahun dirangka berdasarkan peranan utama PSUPS dan mendukung aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Pelan Strategik ini merupakan satu dokumen hala tuju strategik yang disediakan dengan perancangan teliti melalui penganjuran beberapa siri bengkel dan penglibatan penuh oleh pihak pengurusan tertinggi dan pegawai dari semua unit serta khidmat nasihat Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Sarawak ke arah memastikan pelan yang disediakan ini dapat memberi manfaat terutamanya kepada pemegang taruh secara menyeluruh, inklusif dan berterusan.



Pelan ini mengandungi 4 fokus strategik yang memberi penekanan merangkumi kualiti, tadbir urus, pembangunan dan perhubungan. Sebanyak 16 strategi dan 59 program telah dirangka termasuk 65 indikator sasaran telah digarap bagi mencapai visi PSUPS dan mendokong prakarsa Kerajaan.

# *Pengenalan*



- LATAR BELAKANG
- CARTA ORGANISASI
- FUNGSI JABATAN
- PUNCA KUASA
- PEMEGANG TARUH  
*(STAKEHOLDERS)* &  
PELANGGAN



# LATAR BELAKANG PENUBUHAN PEJABAT SUPS

Penubuhan Pejabat SUPS adalah inisiatif Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, Timbalan Perdana Menteri, pada masa itu, sebaik sahaja Malaysia ditubuhkan. Y.M. Tunku (Tan Sri) Mohamed bin Tunku Besar Burhanudin yang pada masa itu memegang jawatan Pegawai Perjawatan di Kuala Lumpur pergi ke Malaysia Timur untuk menyelaras dan mencantum sistem pentadbiran awam yang digunakan di Semenanjung Malaysia. Arahan ini adalah berdasarkan perbincangan awal InterGovernmental Committe 1963 yang bersetuju untuk menubuhkan sebuah Pejabat Perhubungan Persekutuan (Federal Liason Office) di Sabah dan Sarawak bagi peranan Ketua-Ketua Jabatan yang hendak dipersekutukan (to be federalized) dengan Kementerian di Kuala Lumpur.

Pada 16 September 1963, iaitu serentak dengan penubuhan Malaysia, Pejabat SUPS yang juga dikenali ringkas sebagai Urusetia Persekutuan telah ditubuhkan. Pada masa tersebut, Tunku Tan Sri Mohamed dilantik sebagai Setiausaha Persekutuan (bagi "Borneo State") atau Malaysia Timur dan ditempatkan di Kuching.

Timbalan beliau, Tuan Yap Kee Aik ditempatkan di Jesselton (sekarang Kota Kinabalu) Sabah. Pada peringkat permulaannya, Setiausaha Persekutuan yang beribu pejabat di Kuching adalah bertanggungjawab mengendalikan urusan-urusan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 1967, Pejabat Setiausaha Persekutuan disusun semula dan dengan itu Sarawak dan Sabah mempunyai Setiausaha Persekutuan masing-masingnya.

Pada tahun 1971, jawatan SUP lebih dikenali sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Sarawak, dimana Tan Sri Dato' Wan Sidek (SUP Ke-6) telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Sarawak dan Chief Executive Rajang Security Command (RASCOM). Dalam tahun 1974 nama jawatan tersebut telah ditukar kembali kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak setelah Kementerian tersebut dibubarkan. Dengan rasminya melalui Surat Pekeliling Am Bil. 5/1982, Pejabat SUPS telah dimansuhkan atas sebab-sebab tertentu.

Pada masa itu, tugas dan tanggungjawab lain yang telah dipertangungjawabkan kepada SUPS telah dipindahkan kepada beberapa pihak persekutuan yang lain sama ada di Semenanjung maupun di Sarawak. Kuasa undang-undang diwakilkan kepada SUPS oleh beberapa menteri diserahkan balik kepada Kementerian.

Atas permohonan Kerajaan Negeri Sarawak, Y.Bhg. Dato' Abdul Malek bin Abdul Aziz (Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri) memaklumkan pada 21 November 1989, bahawa kabinet telah memutuskan supaya diwujudkan semula jawatan SUP di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, Pejabat SUPS telah diwujudkan semula pada 1 Mei 1990 dan ia telah diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) sehingga ke hari ini.



# CARTA ORGANISASI





# FUNGSI

**01**

Mengukuhkan Perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak

**02**

Mengurus Bangunan Gunasama Persekutuan dan Kuarters Persekutuan Sarawak

**03**

Menyelaras dan Memantau Projek-Projek Bangunan Gunasama dan Kuarters Gunasama Persekutuan

**04**

Pemudahcara Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan di Negeri Sarawak bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak

**05**

Menyelaras Program-Program Peningkatan Kualiti dan Produktiviti Jabatan-Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak

**06**

Menyelaras Program-Program Lawatan Pembesar, Menteri, Orang-orang Kenamaan daripada Semenanjung Malaysia dan Sabah ke Negeri Sarawak

## PUNCA KUASA





# PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) & PELANGGAN



PEMEGANG  
TARUH



PELANGGAN

# *Scenario*

**PERSEKITARAN**



# ISU DAN CABARAN

 Kerjasama dan Perhubungan Erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak

 Penyampaian Perkhidmatan yang Melangkaui Ekspektasi

 Prinsip dan Amalan Tadbir Urus Terbaik ke arah Mencapai Matlamat Pengurusan yang Berkualiti

 Penggunaan ICT dalam Sistem Penyampaian Digital

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak sentiasa berhadapan dengan persekitaran yang kompleks dan dinamik. Senario semasa kini menjadi semakin kompetitif berikutan tekanan dari penggerak utama *driving forces* seperti perubahan demografi, geografi, globalisasi, keterbukaan sosial, ledakan teknologi maklumat dan komunikasi, ekonomi digital, kefahaman mengenai konsep tadbir urus baik serta perlu sentiasa mendepani ekspektasi pelanggan yang sentiasa meningkat.

PSUPS perlu sentiasa memainkan peranannya dengan sentiasa mengkaji dan menambahbaik strategi, program dan aktiviti-aktiviti berdasarkan cabaran-cabaran lama dan baharu yang bakal dihadapi dalam merealisasikan visi dan misi PSUPS. Untuk memastikan Pelan Strategik PSUPS 2021-2025 menjadi sebuah pelan yang relevan dan mapan, analisis persekitaran luaran dan dalaman telah dilaksanakan. PSUPS telah mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam usaha terus memperkuuh organisasi supaya dapat terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan seperti yang dihasratkan oleh *stakeholders* dan pelanggan.



## KERJASAMA DAN PERHUBUNGAN ERAT ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK



Kerjasama dan perhubungan erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat penting untuk pengukuhan hubungan antara kedua-dua pihak. Kedua-dua perkara ini perlu diperkuuhkan lagi bagi memastikan dasar-dasar yang diperkenalkan di peringkat Persekutuan turut dapat dilaksanakan dengan jayanya di peringkat Negeri Sarawak. Hubungan yang erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri merupakan prasyarat dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya di negeri Sarawak dapat disampaikan dengan cekap, tepat dan berintegriti supaya rakyat dapat menikmati kemakmuran bersama.

## PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG MELANGKAUI EKSPEKTASI



Penyampaian perkhidmatan dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej PSUPS. Perubahan sosial dan ekonomi dunia menyebabkan fungsi dan peranan perkhidmatan awam semakin kompleks berikutan rakyat semakin terdedah dengan ledakan maklumat tanpa sempadan dan persekitaran yang lebih moden dan canggih. Lanskap perubahan ini membawa bersama harapan dan ekspektasi yang lebih tinggi kepada perkhidmatan awam yang cekap, telus dan berteraskan kepentingan rakyat. Justeru, dalam memenuhi harapan ini, perkhidmatan yang diberikan haruslah melangkaui kebiasaan atau *beyond ordinary* dan PSUPS perlu mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik dalam membangunkan dasar dan kawalan yang sesuai dalam menguruskan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

## PRINSIP DAN AMALAN TADBIR URUS TERBAIK DALAM KE ARAH MENCAPI MATLAMAT PENGURUSAN YANG BERKUALITI

Sektor awam merupakan jentera pentadbiran, perkhidmatan dan penggerak ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Justeru, pemantapan tadbir urus terbaik atau *good governance* dalam sektor awam perlu diberi keutamaan terutamanya dalam pengamalan sistem dan prosedur kerja yang cekap bagi menutup ruang dan peluang untuk penyelewengan serta salah guna kuasa. Pengurusan yang berkualiti dapat merealisasikan strategik pengurusan PSUPS yang terpaksa berhadapan dengan cabaran perubahan persekitaran yang dinamik. Modal insan yang berpengetahuan dan kompeten serta mengamalkan tadbir urus yang baik adalah merupakan aset terpenting bagi menjadikan SUPS sebagai sebuah organisasi yang memenuhi kehendak pihak berkepentingan, rakan strategik dan pelanggan.



## PENGGUNAAN ICT DALAM SISTEM PENYAMPAIAN DIGITAL

Sistem penyampaian perkhidmatan awam telah mula bergerak ke arah pentadbiran digital. Justeru, dalam memastikan pengukuhan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan sistem penyampaian yang berimpak tinggi, PSUPS sentiasa meneliti tahap penggunaan, mengenal pasti pelbagai isu dan cabaran serta kelemahan dalam pembangunan ICT selain memfokuskan ke arah mengembangkan aplikasi sedia ada sebagai usaha untuk melaksanakan sistem teknologi dan aplikasi moden bagi menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan supaya lebih bersepadu, cekap dan berkesan.

# *Hala Juju*

- VISI DAN MISI
- NILAI-NILAI BERSAMA
- TERAS STRATEGIK



# Visi dan Misi

## VISI

Peneraju  
Perkhidmatan Awam  
Persekutuan Sarawak  
dalam Menjalin  
Perhubungan Erat  
antara Kerajaan  
Persekutuan dan  
Negeri serta  
Memudahcara  
Pelaksanaan Projek  
Pembangunan  
Persekutuan



## MISI

Memperkasa  
Perhubungan Agensi  
Persekutuan dan  
Kerajaan Negeri bagi  
Mengoptimumkan  
Penyampaian  
Perkhidmatan

# Nilai-nilai Bersama

Tujuh (7) nilai-nilai bersama yang dihayati di PSUPS membentuk akronim J.A.L.I.N.A.N yang menggambarkan hubungan kerjasama yang erat diantara semua warga PSUPS serta mengambil berat dan memberi perhatian dalam semua aspek. Nilai-nilai ini akan menjadi satu budaya organisasi yang dipegang sebagai prinsip dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.



# PELAN STRATEGIK

T

## TERAS STRATEGIK

Teras Strategik 1

Teras Strategik 2

Teras Strategik 3

Teras Strategik 4



# Teras Strategik

## TERAS STRATEGIK 1

Mengukuhkan budaya kerja berprestasi tinggi melalui kualiti ke arah kecemerlangan organisasi.



**STRATEGI : 3**  
**PROGRAM : 13**

## TERAS STRATEGIK 2

Memperkasakan penyampaian tadbir urus yang efisien ke arah organisasi berkeupayaan tinggi



**STRATEGI : 4**  
**PROGRAM : 16**

## TERAS STRATEGIK 3

Memperkasakan peranan sebagai pemudahcara projek pembangunan dan pengurusan kuarters serta bangunan gunasama persekutuan di Negeri Sarawak



**STRATEGI : 5**  
**PROGRAM : 15**

## TERAS STRATEGIK 4

Mengukuhkan jaringan kerjasama secara menyeluruh bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan



**STRATEGI : 4**  
**PROGRAM : 14**



## **STRATEGI 1**

Menerapkan budaya integriti dalam kalangan penjawat awam persekutuan Sarawak.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Pembangunan Pelan Anti Rasuah (OACP) PSUPS	Bilangan	1 pelan	2021-2025	Unit Integriti
Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah PSUPS	Bilangan	1 pelan	2021-2025	Unit Integriti
Program Pemantapan Integriti di kalangan Penjawat Awam Persekutuan Sarawak	Kekerapan	5 program dianjurkan (1 tahun sekali)	2021-2025	Unit Integriti
Pemantapan Kualiti Pengurusan Nilai	Peratus pencapaian SPAN	80%	2021-2025	Unit Integriti
Info Kesedaran Integriti	Bilangan hebahan	6 kali setahun	2021-2025	Unit Integriti



## **STRATEGI 2**

Memperkasakan budaya kerja berkualiti dan berinovasi di Jabatan / Agensi Persekutuan Sarawak.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Kolaborasi penganjuran Bulan Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak	Bilangan	1 penganjuran	2021-2025	Unit Integriti
Lawatan Kualiti/ Penandaarasan	Bilangan	2 lawatan setahun	2021-2025	Unit Integriti
Program Anugerah Kualiti	Penyediaan rangka kerja	1 rangka kerja	2021-2022	Unit Integriti
	Bilangan program	3 program	2023-2025	
Penganjuran bersama Hari Perkhidmatan Awam Sarawak	Kekerapan	1 kali setahun	2021-2025	Unit Pentadbiran Unit Integriti
Program Pembudayaan Inovasi bagi Penjawat Awam Persekutuan Sarawak	Bilangan program	1 kali setahun	2021-2025	Unit Integriti
Program Rekayasa ICT	Bilangan program	1 program	2021-2025	Unit ICT

## STRATEGI 3

Memantapkan sistem dan prosedur kerja.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Pejabat SUPS	Bilangan	1 pelan	2021-2025	Unit Integriti
Pembangunan Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP)	Bilangan	1 pelan	2021-2025	Unit Integriti
Pemurnian dan Pemantapan program EKSA Pejabat SUPS	Bilangan Pensijilan EKSA	2 Pensijilan	2021-2025	Unit Integriti
Pemurnian sistem kerja dalam Pejabat SUPS	Bilangan naziran MyPortfolio	Setahun sekali	2021-2025	Unit Integriti



### TERAS 2

MEMANTAPKAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BAGI MEMASTIKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN KEWANGAN

MEMPERKASAKAN DAN MENGOPTIMAKAN PENGURUSAN ICT

MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEMUDAHAN DAN FASILITI UNTUK MEWUJUDKAN SUASANA PERSEKITARAN YANG KONDUSIF

### STRATEGI 1

Memantapkan pengurusan dan pembangunan modal insan bagi memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Meningkatkan tahap kompetensi warga kerja	• % bilangan pegawai menghadiri kursus 7 hari setahun	85% tercapai	2021-2025	Unit Integriti
	• % skor penilaian latihan dan kursus	Melebihi 80%	2021-2025	Unit Integriti
Pengemaskinian MyPortfolio	MyPortfolio dikemaskini setiap tahun	Sekali setahun	2021-2025	Unit Integriti
Pencalonan pengiktirafan dan penghargaan	% bilangan pencalonan yang dikemukakan/dipanjangkan kepada Badan Pengiktiraf	Melebihi 80% daripada pencalonan yang diterima	2021-2025	Unit Integriti
Sesi Perjumpaan SUPS bersama Warga PSUPS	Bilangan sesi	4 kali setahun	2021-2025	Unit Pentadbiran Unit Integriti
Pusingan Kerja	Kekerapan	1 kali setahun	2021-2025	Unit Integriti
Penstrukturran / Pengukuhan semula organisasi	Bilangan	1 kali	2021-2025	Unit Integriti

## **STRATEGI 2**

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Prestasi Perbelanjaan Mengurus	% perbelanjaan	96% setahun	2021 - 2025	Unit Kewangan
Pengurusan Kewangan yang cekap	Markah Indeks Akauntabiliti	Melebihi 80% setahun	2021 - 2025	Unit Kewangan Unit Pentadbiran Unit Pengurusan Harta Unit Pembangunan
Meningkatkan kompetensi pegawai kewangan	Bilangan latihan yang dihadiri	1 kali Setahun	2021 -2025	Unit Kewangan

## **STRATEGI 3**

Memperkasakan dan mengoptimakan pengurusan ICT.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Mengukuhkan tahap keselamatan ICT	Pelaksanaan ujian penembusan	1 kali	2021-2025	Unit ICT
Melebar luas perkhidmatan digital	Pelaksanaan projek pendigitalan penyampaian perkhidmatan	1 kali setahun	2021-2025	Unit ICT
Memanfaatkan data kerajaan	Pelaksanaan program data pintar	2 kali	2021-2025	Unit ICT
	Pelaksanaan Data Terbuka	1 kali setahun	2021-2025	Unit ICT

## **STRATEGI 4**

Memantapkan pengurusan kemudahan dan fasiliti untuk mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif.

<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB</b>
Kajian kepuasan pelanggan terhadap kemudahan dan fasiliti di KPK	Tahap kepuasan pelanggan	Melebihi 85%	2021-2025	Unit Pentadbiran
Meningkatkan tahap pematuhan dasar dan peraturan	Bilangan pemantauan kawasan KPK	4 kali setahun	2021-2025	Unit Pentadbiran
	Penyediaan garis panduan keluar/masuk KPK	1 garis panduan	2022	Unit Pentadbiran
	Penyediaan garis panduan pematuhan SOP/protokol Kesihatan di KPK	1 garis panduan	2021-2025	Unit Pentadbiran
Mengukuhkan Keselamatan dan Perlindungan Premis/Bangunan	Pelaksanaan Latihan Pengungsian Bangunan	1 kali setahun	2021-2025	Unit Pentadbiran
Mengukuhkan Keselamatan & Perlindungan Pejabat	Pencapaian tahap pematuhan keselamatan di pejabat	4 bintang	2021-2025	Unit Pentadbiran



## **STRATEGI 1**

Memantapkan kerjasama dalam pemantauan projek pembangunan persekutuan bersama-sama agensi pelaksana.

<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB</b>
Pemantauan Projek Pembangunan Persekutuan	Peratusan tindakan ke atas bilangan isu-isu pembangunan	100% dipantau	2021-2025	Unit Pembangunan
Pemantauan Projek Pembangunan Pejabat SUP Sarawak	Prestasi projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi Fizikal: ikut jadual</li> <li>• Prestasi Kewangan</li> <li>• 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahunan</li> </ul>	2021-2025	Unit Pembangunan

## **STRATEGI 2**

Memantapkan kerjasama dalam pemantauan tanah-tanah Persekutuan di Negeri Sarawak.

<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB</b>
Pemantauan Tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) di Sarawak	Peratusan tindakan ke atas bilangan isu-isu tanah PTP	100% setahun	2021-2025	Unit Pembangunan
Pemantauan Tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang belum dibangunkan bagi kegunaan Pejabat SUPS)	Bilangan lawatan dilaksanakan	10 lawatan setahun	2021-2025	Unit Pembangunan

## **STRATEGI 3**

Memantapkan perancangan pembangunan Kuarters dan Bangunan Gunasama Persekutuan Sarawak bagi menyediakan kediaman dan ruang kerja yang kondusif.

<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/ TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB</b>
Tinjauan Keperluan Pembangunan KGP/BGP	Bilangan Tinjauan	1 1 1 1 1	2021 2022 2023 2024 2025	Unit Pembangunan
Penyediaan Kertas Cadangan Pembangunan KGP/BGP	Bilangan Kertas Cadangan	2 1 1 1 1	2021 2022 2023 2024 2025	Unit Pembangunan

## **STRATEGI 4**

Mengukuhkan kerjasama dalam mengawalselia Kuarters dan Bangunan Gunasama Persekutuan Sarawak.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Program Pengurusan BGP	Tahap Kepuasan Pelanggan BGP	85% setahun	2021-2025	Unit Pengurusan Harta
Program Pengurusan KGP	Tahap Kepuasan Pelanggan KGP	85% setahun	2021-2025	Unit Pengurusan Harta
Sesi Libat Urus dengan jabatan / agensi yang menduduki BGP	Bilangan sesi	16 kali setahun	2021-2025	Unit Pengurusan Harta
Sesi Libat Urus dengan wakil dan penghuni KGP	Bilangan sesi	2 kali setahun	2021-2025	Unit Pengurusan Harta

## **STRATEGI 5**

Memantapkan pengurusan fasiliti dan infrastruktur Kuarters Gunasama Persekutuan Sarawak melalui pengurusan nilai wang yang terbaik (*value for money*).


PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Program Penyelenggaraan KGP ( <i>Program My Happy Home</i> )	Tahap Kepuasan Pelanggan terhadap penyelenggaraan KGP	85% setahun	2021-2025	Unit Pengurusan Harta
	Bilangan Pelan Penyelenggaraan KGP	1 pelan	2023	Unit Pengurusan Harta
Pengurusan Perbelanjaan Program Penyelenggaraan KGP	Prestasi Perbelanjaan Tahunan	95% setahun	2021-2025	Unit Pengurusan Harta
Pemantauan Perkhidmatan Syarikat Konsesi	Tahap Kepuasan Pelanggan BGP terhadap prestasi syarikat konsesi	85% setahun	2022-2025	Unit Pengurusan Harta
Naiktaraf Keperluan Baru Infrastruktur di BGP	Bilangan Tinjauan	1	2022	Unit Pengurusan Harta
	Pelaksanaan Naiktaraf	2 BGP 2 BGP 2 BGP 2 BGP Jumlah sasaran = 8	2022 2023 2024 2025	Unit Pengurusan Harta
Pensijilan Keselamatan Bangunan (FC)	Bilangan Bangunan dipersijilkan	3 BGP setiap tahun	2021-2025	Unit Pengurusan Harta



PENGUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA  
DENGAN JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN  
DAN NEGERI



MEMPERKASAKAN PERANAN SEBAGAI  
PEMUDAHCARA HAL-EHWAL  
PERSEKUTUAN DI SARAWAK



MEMANTAPKAN PENGURUSAN  
PERKHIDMATAN PELANGGAN DAN  
PENGURUSAN ADUAN



MEMPERKUKUH HUBUNGAN DENGAN  
NGO DAN MEDIA

## **STRATEGI 1**

Pengukuhan Jaringan Kerjasama Dengan Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Perjumpaan Khas SUP Bersama Ketua Jabatan/Pejabat Agensi Persekutuan Negeri Sarawak di peringkat bahagian/daerah	Bilangan	4	2021-2025	Unit Perhubungan Awam Unit Pentadbiran Unit Pengurusan Harta Unit Pembangunan Unit Integriti
Mesyuarat Penyelarasan Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Persekutuan	Bilangan	2	2021-2025	Unit Perhubungan Awam
Mesyuarat Kolaborasi Penyelarasan Isu-Isu Bersama Jabatan/Agensi Persekutuan	Bilangan	2 kali setahun	2021-2025	Unit Perhubungan Awam Unit Pentadbiran Unit Pengurusan Harta Unit Pembangunan Unit Kewangan Unit Integriti
Lawatan Kerja SUPS Ke Jabatan/Agensi Persekutuan	Bilangan lawatan	6 kali setahun	2021-2025	Unit Perhubungan Awam Unit ICT
Penerbitan PSUPS	Bilangan penerbitan	1 kali setahun	2021-2025	Unit Perhubungan Awam
Penglibatan Program Kolaborasi bersama Jabatan/Agensi Persekutuan/ Negeri	Bilangan penyertaan	5 kali setahun	2021-2025	Unit Perhubungan Awam Unit Pentadbiran
Melaksanakan kerjasama strategik	Bilangan jabatan	2 jabatan setahun	2021-2025	Unit Perhubungan Awam Unit Pentadbiran Unit Pengurusan Harta Unit Pembangunan Unit Kewangan Unit Integriti

## **STRATEGI 2**

Memperkasakan Peranan Sebagai Pemudahcara Hal-Ehwal Persekutuan di Negeri Sarawak.

<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB</b>
Pelaporan Bulanan kepada KSN dan TKSUK Jabatan Perdana Menteri	Bilangan laporan	12 kali setahun	2021-2025	Unit Perhubungan Awam

## **STRATEGI 3**

Memantapkan Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan dan Pengurusan Aduan.


<b>PROGRAM</b>	<b>INDIKATOR SASARAN</b>	<b>SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)</b>	<b>TAHUN/TEMPOH SASARAN</b>	<b>BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB</b>
Program Kajian Kepuasan Pelanggan Pejabat SUP Sarawak	Peratusan kepuasan pelanggan	80% kepuasan pelanggan	2021-2025	Unit Perhubungan Awam
Pengurusan Aduan	Peratus aduan diselesaikan dalam tempoh 15 hari	100% diselesaikan	2021-2025	Unit Perhubungan Awam

## **STRATEGI 4**

Memperkuat Hubungan di antara NGO dan Media.

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
Program Bersama Media	Bilangan program	1 kali setahun	2021-2025	Unit Perhubungan Awam
Pembangunan Pelan Komunikasi Media	Bilangan pelan	1 kali setahun	2021-2025	Unit Perhubungan Awam





# PEMANTAUAN KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK

PSUP SARAWAK

# Penutup

Pelan Strategik PSUPS 2021-2025 merupakan dokumen perancangan strategik bagi tempoh lima tahun yang dirangka berdasarkan teras perkhidmatan utama PSUPS dan dijajarkan selari dengan WKB 2030. Teras strategik, strategi, program dan sasaran yang dirancang memainkan peranan masing-masing untuk memenuhi kehendak, jangkaan dan keperluan kumpulan sasar terutamanya penerima perkhidmatan dari PSUPS. Tempoh pelaksanaan pelan ini akan tamat pada tahun 2025, maka penyediaan sebuah pelan yang baharu perlu dirancang lebih awal supaya wujud kesinambungan yang berterusan terhadap perancangan jangka panjang PSUPS. Penyediaan pelan baharu pada waktu itu mestilah menepati kehendak pemegang taruh dan selari dengan aspirasi Kerajaan supaya matlamat dapat dicapai. Justeru, diharapkan agar pelan yang digubal ini dapat membantu PSUPS merangka kerja yang lebih teratur serta bersistematik sejajar dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

# Penghargaan

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu memberikan input, analisis, panduan dan sokongan dalam pembangunan Pelan Strategik PSUPS 2021-2025.



**PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**  
TINGKAT 3 & 17, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR  
JALAN SIMPANG TIGA, 93300 KUCHING, SARAWAK.  
TEL.: - 082 - 417733 FAKS: - 082 - 243332

LAMAN WEB : [WWW.SUPSRWK.GOV.MY](http://WWW.SUPSRWK.GOV.MY)